

# 74 mahasiswa antarabangsa bincang cabaran pertanian terkini di UPM

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Seramai 74 mahasiswa pertanian dari sembilan negara akan berkumpul di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 19 hingga 28 Februari ini untuk menyertai Simposium Pelajar Pertanian Antarabangsa (IASS) Ke-3.

Simposium itu akan menjadi platform kepada pelajar ijazah pertama terbabit untuk berkongsi isu-isu semasa, perkembangan maklumat pertanian dan idea-idea inovasi dalam sektor pertanian.

Pengarah program, Amirul Asraf Tumin berkata, simposium itu

diharapkan dapat melebarkan lagi rangkaian kerjasama antara universiti dan menggabungkan hasil penyelidikan, teknologi dan jalan penyelesaian daripada negara-negara terlibat dalam usaha menjaga keselamatan makanan untuk manfaat manusia seluruhnya.

Simposium yang mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan tajaan daripada Malaysian Agri Hi-Tech Sdn. Bhd., Kumpulan IOI dan Lembaga Koko Malaysia itu turut menganjurkan program lawatan sambil belajar

dan perkongsian ilmu, pengalaman dan budaya di dalam kampus UPM.

Dua pembentang kertas kerja dari setiap negara akan membincangkan isu-isu mengenai pendidikan pertanian, teknologi pertanian, perdagangan dan ekonomi pertanian, pengeluaran pertanian dan alam sekitar.

Selain daripada warga UPM, orang awam juga dijemput hadir ketika sesi persidangan simposium itu. Maklumat lanjut, layari laman web [www.agri.upm.edu.my/iass](http://www.agri.upm.edu.my/iass) atau [www.facebook.com/3rdiass](https://www.facebook.com/3rdiass).